

## BAB 2

### Kajian Lepas

Kemahiran sosial amat diperlukan oleh setiap orang untuk turut sama dalam era pembangunan teknologi maklumat masa kini. Ia telah dikenal pasti sebagai satu kemahiran hidup yang amat penting untuk menjalankan kehidupan sehari-hari. Hidup lebih berfungsi dengan adanya kemahiran sosial yang baik apabila berinteraksi dengan orang lain. Oleh itu, seseorang yang lemah daripada segi kemahiran sosial haruslah bersedia untuk mengubah konsep kendirinya yang berkait dengan kemahiran berkomunikasi yang akan membentuk personaliti dan pengalamannya.

### Kemahiran Sosial

Menjadi satu tradisi di mana-mana sekolah, pelajar yang lemah telah dikenal pasti mempunyai 5 tahap kemahiran sosial yang rendah. Ini dibuktikan oleh laporan Jane (1988), menyatakan bahawa ramai pelajar yang menghadapi masalah menerima pengajaran mengalami masalah kemahiran sosial. Jane telah membahagikan masalah kemahiran kepada tiga kategori iaitu kemerosotan kemahiran sosial, kemerosotan pencapaian dan tingkah laku yang keterlaluan. Cadangan yang dibuatnya untuk mengatasi masalah ini ialah membuat intervensi secara umum dengan meningkatkan keseluruhan kemahiran sosial individu dengan menggunakan *modelling* dimana pelajar-pelajar sendiri membuat pertunjukan dan pelajar berlatih memberi maklumbalas. Manakala McFall dan Marston (1970), telah menggunakan teknik *behaviour rehearsal* untuk tujuan

yang sama. Teknik digunakan untuk melatih kemahiran dan meliputi kaedah main peranan atau melakonkan sesuatu situasi yang telah mewujudkan kesulitan bagi seseorang (Rudesram, 1982). Melalui kajian yang telah dilakukan didapati subjek yang tidak asertif yang telah diberi masa selama 40 minit sahaja untuk menunjukkan hasil yang memuaskan dalam pencapaian asertif mereka. Sebaliknya kajian oleh Galassi, Kostka dan Galassi (1975) terhadap satu kumpulan pelajar yang tidak asertif mendapati kesannya melibatkan jangka masa yang panjang. Implikasinya , latihan kemahiran sosial boleh membantu pelajar yang menghadapi masalah menerima pengajaran, mengatasi masalah tidak asertif dan mempercepatkan proses pembelajaran.

Sharon dan Marilyn (1982) telah mengenal pasti ciri-ciri kemahiran sosial dan nilai-nilai komunikasi yang sepatutnya ada pada bakal-bakal guru sebagai aset penting dalam menjalinkan komunikasi dengan pelajar, ibu bapa, pentadbir dan guru-guru. Mereka telah membuat kajian yang melibatkan seramai 343 orang subjek dan bercadang menggunakan ciri-ciri tersebut dalam pembentukan perancangan kursus untuk bakal-bakal guru. Daripada 40 jenis kemahiran yang diberikan, tiga daripadanya iaitu ciri personaliti, kemahiran interpersonal dan perhubungan dan kemahiran merancang telah dikategorikan sebagai sangat penting. Satu kursus telah dijalankan untuk mengkaji teori-teori asas komunikasi dan mengaplikasikan kemahiran-kemahiran yang telah dikenalpasti dalam strategi pengajaran. Tiga kumpulan pelajar telah dikaji, Dua daripadanya tidak diberi latihan atau kursus tersebut. Hasilnya menunjukkan kursus tersebut telah meningkatkan keyakinan kepada pelajar-pelajar dalam kemahiran berkomunikasi mereka. Kemahiran berkomunikasi melibatkan personaliti yang berciri ekstrovert, tidak pasif, dan asertif (Rathus, 1972).

Menurut Hasselt (1981), kesahan *role play* telah digunakan untuk menilai latihan kemahiran sosial ke atas kanak-kanak. Subjek telah dipilih secara rawak yang terdiri daripada 22 lelaki dan 20 perempuan, yang berumur antara lapan hingga sepuluh tahun. Tatacara kajian telah dibuat melibatkan pemerhatian interpersonal kanak-kanak dalam empat setting yang berbeza iaitu kumpulan penyelesaikan masalah, temuramah yang standard, ujian *role play* dan interaksi dwiunsur (*dyadic*). Alat-alat sosiometrik dan skala penilaian guru juga diadakan. Susulan penilaian latihan dilakukan setelah lima bulan latihan ditamatkan. Subjek dinilai semula atas dasar kesemuanya tiada diberi latihan sebelum dibuat susulan. Kajian ini memberikan bukti-bukti bahawa latihan kumpulan yang dijalankan dalam sekolah boleh membuktikan berkesan untuk meningkatkan kemahiran-kemahiran perbualan di kalangan remaja yang malu. Kajian telah menyarankan intervensi boleh menghasilkan frekuensi yang bertambah baik untuk interaksi dan juga lebih bercorak positif berhubung dengan penilaian kendiri. Dalam kajian ini, kanak-kanak yang peringkat awalnya mempunyai masalah malu akhirnya dapat diatasi. Kanak-kanak tersebut telah didedahkan dengan aktiviti berkelompok dan juga melibatkan kerjasama, memberi pandangan, memainkan peranan dan konsep dwiunsur secara interpersonal.

Kanak-kanak di kawasan luar bandar yang kurang bernasib baik selalunya tidak mempunyai pengalaman untuk mengembangkan kemahiran berkomunikasi (Aikman, 1982). Kajian yang telah dibuat oleh Keys, Susan Jacobs dan Coletta (1990), mendapati bahawa terdapat kesan yang positif dalam kebolehan pelajar mengenalpasti dan menyatakan perasaan. Secara kumpulan didapati pelajar boleh mengenalpasti perasaan secara tepat dengan ketepatan 90%. Maklumbalas daripada guru-guru dan kaunselor juga menyokong dapatan ini.

Menurut Hasselt (1981), kesahan *role play* telah digunakan untuk menilai latihan kemahiran sosial ke atas kanak-kanak. Subjek telah dipilih secara rawak yang terdiri daripada 22 lelaki dan 20 perempuan, yang berumur antara lapan hingga sepuluh tahun. Tatacara kajian telah dibuat melibatkan pemerhatian interpersonal kanak-kanak dalam empat setting yang berbeza iaitu kumpulan penyelesaikan masalah, temuramah yang standard, ujian *role play* dan interaksi dwiunsur (*dyadic*). Alat-alat sosiometrik dan skala penilaian guru juga diadakan. Susulan penilaian latihan dilakukan setelah lima bulan latihan ditamatkan. Subjek dinilai semula atas dasar kesemuanya tiada diberi latihan sebelum dibuat susulan. Kajian ini memberikan bukti-bukti bahawa latihan kumpulan yang dijalankan dalam sekolah boleh membuktikan berkesan untuk meningkatkan kemahiran-kemahiran perbualan di kalangan remaja yang malu. Kajian telah menyarankan intervensi boleh menghasilkan frekuensi yang bertambah baik untuk interaksi dan juga lebih bercorak positif berhubung dengan penilaian kendiri. Dalam kajian ini, kanak-kanak yang peringkat awalnya mempunyai masalah malu akhirnya dapat diatasi. Kanak-kanak tersebut telah didedahkan dengan aktiviti berkelompok dan juga melibatkan kerjasama, memberi pandangan, memainkan peranan dan konsep dwiunsur secara interpersonal.

Kanak-kanak di kawasan luar bandar yang kurang berasas baik selalunya tidak mempunyai pengalaman untuk mengembangkan kemahiran berkomunikasi (Aikman, 1982). Kajian yang telah dibuat oleh Keys, Susan Jacobs dan Coletta (1990), mendapati bahawa terdapat kesan yang positif dalam kebolehan pelajar mengenalpasti dan menyatakan perasaan. Secara kumpulan didapati pelajar boleh mengenalpasti perasaan secara tepat dengan ketepatan 90%. Maklumbalas daripada guru-guru dan kaunselor juga menyokong dapatan ini.

## Kemahiran Sosial Dan Konsep Kendiri

Konsep kendiri merupakan salah satu ciri seseorang yang boleh membantu perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh. Faktor penting yang menentukan kesempurnaan konsep kendiri ialah penghargaan kendiri. Penghargaan kendiri adalah hasil daripada intervensi seseorang dengan orang lain. Dalam proses interaksi akan berlaku pemberian ganjaran positif atau negatif daripada orang lain. Ganjaran itulah yang dikatakan sebagai penghargaan kendiri (Brooks dan Emmert , 1976). Penghargaan kendiri dianggap sebagai satu kuasa yang mempengaruhi tingkah laku komunikasi interpersonal seseorang.

Banyak kajian telah dilakukan tentang hubungan kemahiran sosial dengan konsep kendiri. Kajian-kajian yang telah dibuat banyak membuktikan bahawa latihan-latihan yang menggunakan teknik sosial tertentu dapat meningkatkan lokus dalaman seseorang pelajar yang lemah (Andrews dan Debus, 1978; Dweck, 1975; Gitkin, 1978). Pelajar-pelajar yang mempunyai penghargaan kendiri yang positif adalah pelajar-pelajar yang sering menerima cabaran sama ada di dalam kelas maupun di luar kelas berbanding dengan pelajar-pelajar yang mempunyai penghargaan kendiri yang rendah. Satu lagi aspek yang terlibat dalam meningkatkan konsep kendiri ialah pendedahan kendiri. Menurut Hatch dan Guerney (1975), satu program pengembangan perhubungan pelajar telah dibuat dan boleh diaplikasikan di sebuah sekolah di bawah bimbingan kaunselor. Tujuan utama ialah untuk melatih pelajar mengembangkan kemahiran mereka sebagai pengucap (*expressive mode*) dan sebagai pendengar (*responder mode*) dalam perhubungan di antara dua orang. Haynes dan Avery (1970), telah membuat satu kajian terhadap remaja di sebuah sekolah tinggi dengan melatih mereka dalam kemahiran pendedahan kendiri dan empati. Program yang telah

berjalan selama 4 minggu ini telah menghasilkan perubahan yang positif kepada subjek berdasarkan perbandingan antara ujian pra dan ujian pos.

### **Konsep Kendiri Dan Pencapaian Akademik**

Kajian oleh Mohd Ariffin Chik (1986), terhadap hubungan antara konsep kendiri dan pencapaian akademik antara pelajar-pelajar anak yatim dan pelajar-pelajar yang mempunyai ibu bapa. Dalam kajiannya mendapati konsep kendiri dan pencapaian akademik dipengaruhi oleh bangsa dan lokasi sekolah pelajar-pelajar tersebut. Tidak ada perbezaan yang signifikan antara konsep kendiri anak-anak yatim dengan pelajar yang mempunyai ibu bapa. Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan antara anak yatim dengan pelajar-pelajar yang mempunyai ibu bapa dalam konsep kendiri dan pencapaian akademik.

Sopia Mohd Yassin (1990), dalam kajiannya mendapati konsep kendiri adalah berkaitan dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran sains. Aktiviti untuk menggalakkan pembentukan kendiri yang positif haruslah dilaksanakan bukan sahaja kerana pengaruhnya ke atas pencapaian akademik tetapi juga untuk mewujudkan sikap dan pemikiran yang baik di kalangan pelajar. Beliau telah melakukan kajian tentang hubungan konsep kendiri dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran sains terhadap sampel seramai 200 orang.

Sebaliknya kajian yang telah dibuat oleh Suriati Ismail (1991), terhadap 153 orang sampel mendapati tidak terdapat sebarang pertalian yang signifikan di antara konsep kendiri dengan pencapaian matapelajaran ekonomi dan mata pelajaran lain bagi beberapa pembolehubah yang dikaji.

Menurut Maniam (1991), telah membuat kajian untuk memastikan sama ada pencapaian dalam peperiksaan SRP dipengaruhi oleh faktor-faktor afektif

iaitu konsep kendiri akademik dan sikap terhadap sekolah. Dua hipotesis utama telah dibentuk iaitu yang berkaitan dengan konsep kendiri akademik dengan pencapaian akademik dan sikap terhadap sekolah dengan pencapaian akademik secara keseluruhan. Hasilnya mendapat pelajar-pelajar yang berpencapaian tinggi mempunyai konsep kendiri akademik dan sikap terhadap sekolah yang tinggi manakala pelajar yang berpencapaian rendah mempunyai konsep kendiri akademik dan sikap terhadap sekolah yang rendah.

Kajian oleh Kamaliah Abu (1992), menunjukkan terdapat perbezaan konsep kendiri antara dua kumpulan pelajar iaitu satu kumpulan berpencapaian akademik tinggi dan satu lagi kumpulan yang berpencapaian akademik rendah. Perbezaan yang ditunjukkan ialah daripada segi aspek personaliti, tingkah laku, sikap, dan cara berfikir. Pelajar yang cemerlang biasanya mempunyai tanggapan diri yang positif tetapi sebaliknya bagi pelajar yang sering gagal kebiasaanannya mempunyai tanggapan diri yang negatif.

Othman Md. Johan (1995) pula telah membuat kajian ke atas pelajar-pelajar tingkatan 3 di 10 buah sekolah di Daerah Johor Bahru berkaitan kesan konsep kendiri terhadap tingkah laku murid. Analisis menunjukkan kecerdasan murid-murid juga mempunyai kesan tidak langsung terhadap tingkah laku akademik melalui konsep kendiri bukan akademik dan konsep kendiri akademik. Di samping itu, Othman juga mengaitkan peranan ibu bapa penting untuk meningkatkan kecerdasan dan konsep kendiri anak-anak.

Mhnogaran (1996) dalam kajiannya telah membuat satu perbandingan tentang kendiri pelajar-pelajar tingkatan empat yang menerima kaunseling kelompok dengan pelajar-pelajar yang tidak menerima kaunseling kelompok.

Hasil daripada kajiannya didapati pelajar-pelajar yang menerima kaunseling kelompok menunjukkan peningkatan konsep kendiri umum dan akademik.

Noraini Yaakub (1982), telah mengkaji hubungan konsep kendiri dengan kebolehan sosial di kalangan pelajar perempuan di sebuah sekolah di Petaling Jaya. Hasil kajiannya mendapati dimensi kendiri keluarga dan kendiri fizikal mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik. Pengaruh konsep kendiri ke atas pencapaian akademik dan jantina murid juga telah dikaji oleh Nabun Ahmad (1984). Pelajar-pelajar tingkatan empat di salah sebuah sekolah luar bandar telah dijadikan subjek kajian. Didapati tiada hubungan yang signifikan diantara konsep kendiri dengan pencapaian akademik. Begitu juga tiada perbezaan yang signifikan antara kendiri pelajar lelaki dan kendiri pelajar perempuan. Namun begitu dalam kajian ini, perkaitan antara pembolehubah akademik dititikberatkan sebagai pembolehubah utama untuk melihat apakah terdapat perbezaan konsep kendiri antara ujian pra dan ujian pos ke atas pelajar yang lemah akademik.

### **Masalah Persefahaman Dalam Keluarga**

Menurut Abdul Mua'ti @ Zamri Bin Ahmad (1997), kemahiran sosial khususnya kemahiran berkomunikasi adalah merupakan salah satu unsur yang sangat mustahak dalam pembentukan keluarga. Tidak ada keluarga yang dapat diasaskan tanpa amalan kemahiran sosial yang baik. Dan komunikasi juga dianggap sebagai pengikat ahli-ahli keluarga untuk terus serasi dan bersatu membentuk satu identiti keluarga yang padu. Pada asasnya juga amalan bersosial jugalah yang dapat menentukan ketahanan sesebuah rumah tangga. Menurut satu kajian di Australia berkaitan dengan kesan kemahiran bersosial khususnya

berkomunikasi dalam keluarga yang lemah, menghasilkan kadar perceraian sebanyak 30 hingga 35 peratus (Melbourne Age, 1985). Masalah kelemahan dari segi kemahiran bersosial khususnya berkomunikasi mempunyai perkaitan yang agak jelas dengan kadar perceraian. Sebenarnya dalam konteks keluarga komunikasi ini dianggap sebagai cara atau perkongsian maklumat, idea, dan perasaan antara satu sama lain. Keluarga yang kurang berinteraksi dengan betul akan menyebabkan timbul berbagai masalah dan gejala (Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, 1997). Dalam sebuah keluarga interaksi antara anak-anak dan ibu bapa adalah merupakan satu cara untuk mendidik dan membesarkan mereka. Menurut Mua'ti lagi, kebanyakkan kes remaja bermasalah dan lari dari rumah menyatakan tiadanya komunikasi yang baik antara mereka dengan ibu bapa. Berasaskan kajian-kajian terdahulu yang banyak membuktikan kurang komunikasi menimbulkan banyak gejala maka sudah tepat masanya sistem pendidikan kita diubah supaya dapat melahirkan insan yang bukan bijak dari segi intelek semata-mata, tetapi juga mahir dalam soal bersosial. Menurut Dr. Hatta Sharom (Ummi Ogos, 1991), komunikasi boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu komunikasi perasaan, komunikasi peralatan dan komunikasi pengecualian. Komunikasi perasaan melibatkan emosi seperti menyatakan perasaan. Komunikasi peralatan melibatkan tugas kehidupan kekeluargaan. Sementara komunikasi pengecualian melibatkan penyampaian maklumat yang tiada kaitannya dengan emosi atau tugas kekeluargaan. Disamping hubungan keharmonian yang boleh mewujudkan persefahaman dalam keluarga terdapat elemen-elemen lain yang turut membantu untuk kesejahteraan keluarga iaitu pengetahuan agama, akhlak, latarbelakang keluarga dan pendidikan.

### **Kesimpulan**

Jelas di sini kemahiran sosial dan konsep kendiri saling mempengaruhi kehidupan seharian manusia. Perhubungan kedua-duanya elemen ini digambarkan dengan jelas melalui interaksi sesama manusia dan maklumbalas terhadap gerakbalas sosial sekitarnya. Kemahiran sosial merupakan agen kepada pembentukan konsep kendiri, sebaliknya konsep kendiri sebagai pembolehubah bersandar digunakan sebagai pengukur sejauhmana seseorang itu berupaya menggunakan kemahiran sosial secara berkesan untuk mencapai kecemerlangan dalam hidup. Oleh itu, dalam kajian ini tumpuan telah diberikan kepada kesan latihan kemahiran yang dijalankan terhadap konsep kendiri pelajar di samping melihat perkembangan pelajar tersebut secara penilaian kualitatif dari segi tingkah laku dan kemajuan akademik mereka..